



**MENUJU IT...Encik Yusuf Bin Mohammad (kiri) menerima komputer daripada Profesor UNIMAS, Dato Zawawi (tengah) sambil diperhatikan oleh wakil Pegawai Pendidikan Encik Lim (kanan).**

## UNIMAS derma dua komputer

KAPIT, Jumaat — Sekolah Rendah Kerajaan (SRK) Kampung Baru di sini merupakan sekolah yang bernasib baik kerana dipilih sebagai penerima dua unit komputer terpakai sumbangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pagi semalam.

Upacara ringkas penyerahan komputer berkenaan berlangsung di dewan sekolah SRK Kampung Baru. Profesor Dato Zawawi Ismail menyerahkannya kepada Guru Besar SRK Kampung Baru, Encik Yusuf bin Mohammad.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara penyerahan komputer itu, Profesor Dato Zawawi memberitahu, sumbangan itu merupakan salah sebuah projek atau kempen kesedaran mengenai kepentingan teknologi maklumat (IT) UNIMAS kepada sekolah-sekolah di luar bandar supaya guru dan murid dapat menikmati perkembangan dalam bidang tersebut.

Selain itu, ia juga sebagai

tanda kenangan kepada SRK Kampung Baru mengenai lawatan kakitangan UNIMAS ke sini.

"Walaupun komputer itu telah dipakai, tetapi ia masih dapat berfungsi dengan baik serta memuaskan," ujarnya dan menambah, UNIMAS masih mempunyai banyak komputer yang tidak dipakai kerana terdapat beberapa jenis komputer baru dengan versi baru yang lebih sofistikated digunakan.

Beliau menegaskan, pengetahuan mengenai IT merupakan asas penting kepada pembangunan teknologi masa depan.

Oleh yang demikian, katanya, para pelajar harus diberi peluang untuk mempelajari ilmu IT.

"Saya berharap dapat menyaksikan beberapa pelajar dari sekolah dari bahagian ini melanjutkan pendidikan di peringkat universiti terutamanya UNIMAS." Tambahnya.

Dalam pada itu, Yusuf berkata, beliau sendiri akan menentukan

penggunaan komputer tersebut sepenuhnya.

"Saya menganggap komputer berkenaan sebagai satu aset penting bagi sekolah," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada UNIMAS kerana bermurah hati menyumbangkan dua unit komputer yang sangat diperlukan oleh pihak sekolah itu dan pelajarnya.

Jelasnya, pihak sekolah akan mengadakan kelas komputer dalam sedikit masa lagi supaya pelajar dapat memahami ilmu IT serta cara-cara penggunaan komputer.

"SRK Kampung Baru mempunyai murid seramai 533 orang dengan dua sesi persekolahan pagi dan petang kerana bilik kelas yang ada tidak dapat menampung jumlah murid yang semakin bertambah," jelas Yusuf.

Seramai 152 daripada jumlah 533 murid yang menuntut di sekolah itu adalah murid berasrama dengan seramai 33 orang tenaga pendidik.